

01 JUN 2003

I

JALUR GEMILANG BERKIBAR DI SIDANG KEMUNCAK G8

EVIAN (Perancis), 1 Jun (Bernama) --- Bendera Malaysia berkibar megah di beberapa tempat di sini yang menjadi venue Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota.

Selain lapan negara anggota G8, Perancis selaku tuanrumah telah menjemput beberapa negara bukan anggota dan juga pertubuhan dunia bagi menyertai persidangan itu.

Jalur Gemilang dikibarkan oleh pihak berkuasa Perancis sebagai tanda penghormatan kepada penyertaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari pertama perjumpaan itu, Ahad.

Penganjur turut meletakkan bendera Malaysia yang diatur seiring dengan bendera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan India dalam logo persidangan.

G8 dianggotai Perancis, Jerman, Russia, Kanada, Jepun, Itali, Britain dan Amerika Syarikat.

Persidangan kali ini turut dihadiri oleh pemimpin negara bukan anggota G8 yang dijemput oleh Perancis. Negara-negara itu ialah Malaysia, Switzerland, China, India, Mesir, Algeria, Nigeria, Afrika Selatan, Maghribi, Senegal, Mexico, Brazil dan Arab Saudi.

-- BERNAMA  
SHY KHY MOZ